

1. Budaya bersukan perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat agar dapat \_\_\_\_\_ yang hebat dan berdaya saing.

- ☐ A melahirkan
- ☐ B menetapkan
- ☐ C menyerahkan
- ☐ D membayangkan

2. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Puan Hazwani duduk \_\_\_\_\_ ketika makan bersama-sama dengan tetamu lain di majlis kesyukuran itu.

- ☐ A bersila
- ☐ B berlunjur
- ☐ C bersimpuh
- ☐ D bertinggung

3. Pengarah Jabatan Pengairan \_\_\_\_\_ pelbagai soalan oleh para pemberita apabila banjir kilat melanda ibu kota baru-baru ini.

- ☐ A dilontari
- ☐ B dicurahi
- ☐ C dihujani
- ☐ D dilempari

4. Pokok ketapang yang besar itu \_\_\_\_\_ oleh penduduk kampung kerana membahayakan pengguna yang lalu-lalang di kawasan tersebut.

- ☐ A ditebas
- ☐ B dicantas
- ☐ C dipotong
- ☐ D ditebang

5. Orang yang suka memendam perasaan berkemungkinan akan \_\_\_\_\_ tekanan jiwa yang serius.

- ☐ A mengikuti
- ☐ B mengakui
- ☐ C mengalami
- ☐ D mengulangi

6. Adik lari bertempiran apabila \_\_\_\_\_ oleh seekor anjing semasa pulang dari sekolah petang semalam.

☐ A ditarik  
☐ B diasak  
☐ C dilibas  
☐ D dikejar

7. Pihak Majlis Bandaran telah mengeluarkan notis bahawa mereka akan menangkap haiwan ternakan yang dibiarkan \_\_\_\_\_.

☐ A berhamburan  
☐ B berhampiran  
☐ C berserakan  
☐ D berkeliaran

8. Saya mesti sampai ke rumah datuk sebelum matahari \_\_\_\_\_ kerana jalan ke rumah datuk agak sunyi dan gelap.

☐ A tersungkur  
☐ B terbenam  
☐ C terpacak  
☐ D terjatuh

9. Firdaus mudah melenting apabila \_\_\_\_\_ oleh ketuanya dalam mesyuarat.

☐ A dipuji  
☐ B dipuja  
☐ C ditegur  
☐ D dipesan

10. Pembinaan lebuh raya itu telah \_\_\_\_\_ belanja berbelas-belas juta ringgit.

☐ A menelan  
☐ B mencakup  
☐ C meningkat  
☐ D mengambil

11. Dania sibuk \_\_\_\_\_ pelajaran kerana peperiksaan akhir tahun bakal menjelang tidak lama lagi.

☐ A melihat  
☐ B merujuk  
☐ C menelaah  
☐ D merancang

12. Kakak sedang \_\_\_\_\_ semua tawaran yang diterimanya sebelum membuat keputusan untuk menyambung pelajaran dalam bidang yang diminatinya.

☐ A memperlihatkan  
☐ B mempertingkatkan  
☐ C memperbanyakkan  
☐ D mempertimbangkan

13. Penduduk kampung gempar apabila beberapa ekor lembu ternakan mereka telah \_\_\_\_\_ oleh seekor harimau semalam.



- ☐ A dilulur
- ☐ B ditelan
- ☐ C dibaham
- ☐ D disengat

14. Akibat perbuatannya yang \_\_\_\_\_ batasan, Zahid tidak dibenarkan ke mana-mana tanpa persetujuan ayahnya.

- ☐ A melintasi
- ☐ B menjauhi
- ☐ C melepasi
- ☐ D melampaui

15. Pencalonan Encik Mustafa Ali untuk merebut jawatan sebagai pengerusi persatuan itu telah \_\_\_\_\_ kedudukan pengerusi yang sedia ada.

- ☐ A menggoncang
- ☐ B mengganggu
- ☐ C menghalang
- ☐ D menggugat

16. "Penganjuran aktiviti perkhemahan ini adalah untuk \_\_\_\_\_ kekuatan mental dan fizikal murid-murid," ujar Cikgu Razak.

- ☐ A menguji
- ☐ B meneka
- ☐ C menyiasat
- ☐ D menyelidik


17. Beberapa ekor anjing pengesan digunakan untuk \_\_\_\_\_ sekumpulan pendaki yang tersesat di kawasan hutan tebal itu.

- ☐ A mencari
- ☐ B menarik
- ☐ C mengenal
- ☐ D memanggil

18. Kapal dagang itu \_\_\_\_\_ perlahan-lahan meninggalkan Pelabuhan Klang untuk ke negara Jepun.

- ☐ A bergerak
- ☐ B berlepas
- ☐ C berjalan
- ☐ D berlalu

19. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Bola yang \_\_\_\_\_nya ke dinding itu \_\_\_\_\_ lalu terkena kepalanya.

- ☐ A dibaling ... melantun
- ☐ B dilibas ... menyentuh
- ☐ C dicampak ... melontar
- ☐ D dilontar ... menghentam

20. Kelakuan dan pakaian segelintir remaja pada masa ini jelas sekali \_\_\_\_\_ dengan budaya masyarakat kita.

- ☐ A beraliran
- ☐ B bertepatan
- ☐ C bertentangan
- ☐ D bersangkutan